



UCAPAN PERASMIAN

**YB PUAN ISNARAISAH MUNIRAH BT. MAJILIS
TIMBALAN MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM
SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**

UNTUK

**PERTANDINGAN AKHIR PIDATO ALAM SEKITAR
PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2018**

**PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN
21 OKTOBER 2018**

Bismillahirrahmanirrahim...

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera.

Saudara/saudari pengacara majlis;

Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Mohd Azhar bin Hj. Yahaya
Ketua Setiausaha Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar &
Perubahan Iklim (MESTECC)

YBhg. Datuk Kua Abun
Timbalan Ketua Setiausaha Perancangan dan Pengkomersialan
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

Yang Berbahagia Dato' Dr. Kamarulnajuib bin Che Ibrahim,
Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar;

.....
Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)

.....
Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (KKMM)

.....
Dewan Bahasa & Pustaka (DBP)

Yang Berusaha Encik David Keat
Ketua Pegawai Eksekutif
Hengyuan Refining Company Berhad (HRC)

Ketua-ketua jabatan persekutuan dan negeri, wakil-wakil industri, NGO dan wakil media

Dif-dif jemputan, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

PENGHARGAAN

1. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T juga kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, pada hari ini kita dapat bersama di **Pertandingan Akhir Pidato Alam Sekitar Peringkat Kebangsaan 2018**. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Jabatan Alam Sekitar selaku pengajur, atas kesudian mengundang saya bagi menyempurnakan majlis kemuncak pertandingan pidato bertemakan alam sekitar yang julung kali diadakan ini.

2. Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan rakan strategik Jabatan Alam Sekitar iaitu Hengyuan Refining Company Berhad (HRC) yang telah memberi sumbangan dari segi kerjasama

enganjuran program, khidmat nasihat dan kemudahan fasiliti dalam memastikan pertandingan pidato ini dapat direalisasikan.

SAMBUTAN MENGGALAKKAN

3. Saya dimaklumkan bahawa sebanyak 119 penyertaan telah diterima oleh urusetia pertandingan. Angka ini merupakan satu jumlah yang agak besar memandangkan program ini baru sahaja diperkenalkan pada tahun ini. Saya kagum dengan kesungguhan dan kemampuan pelajar-pelajar untuk tampil kehadapan dan berkongsi idea berhubung pengurusan alam sekitar. Kita berikan satu tepukan untuk pelajar-pelajar ini.

4. Saya melihat pertandingan pidato ini mampu meningkatkan kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar di samping memupuk semangat kecintaan kepada pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Justeru itu, saya menyarankan kepada Jabatan Alam Sekitar untuk meneruskan pengajuran Pertandingan Pidato Alam Sekitar ini pada tahun-tahun akan datang.

ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA

YBhg. Dato – Dato/ Tuan -Tuan/ Puan – Puan,

5. Setiap lapisan masyarakat memainkan peranan penting dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing dan perlu turut serta

dalam pelbagai aktiviti menjaga dan memulihara alam sekitar. Menjaga alam sekitar ini bukanlah menjadi tugas kerajaan semata-mata tetapi menjadi tanggungjawab kita semua. Muafakat daripada semua pihak amat penting. Jika tidak, maka gagallah hasrat kerajaan bagi membudayakan masyarakat yang peka terhadap penjagaan alam sekitar.

6. Bak kata peri bahasa ‘melentur buluh biarlah dari rebungnya’. Begitulah juga dalam usaha memulihara alam sekitar, kita perlu bermula lebih awal iaitu di rumah dan di peringkat sekolah. Sebagai contoh program gotong-royong membersihkan sekolah boleh diadakan lebih kerap dan dijadikan acara bulanan bagi menerap semangat kerjasama dalam memelihara kebersihan alam sekitar. Jangan tunggu sehingga ada kesenggupan barulah masing-masing sibuk adakan gotong-royong membersihkan sekolah dan kediaman kita.

RAKAN ALAM SEKITAR

7. Dalam hal ini, saya juga mengalu-alukan golongan pelajar untuk menyertai program Rakan Alam Sekitar (RAS) yang dianjurkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Program ini merupakan inisiatif Jabatan Alam Sekitar dalam meningkatkan kesedaran dan menggerakkan anggota masyarakat dalam aktiviti pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar.

8. Dengan menjadi ahli Rakan Alam Sekitar, pelajar akan menjadi `mata dan telinga' untuk membantu melaporkan kejadian pencemaran kepada agensi-agensi Kerajaan yang bertanggungjawab dalam membanteras kegiatan-kegiatan yang merosakkan atau mencemarkan alam sekitar.
9. Bagi tujuan ini, saya dimaklumkan bahawa Jabatan Alam Sekitar ada menyediakan kaunter pendaftaran Rakan Alam Sekitar di luar dewan ini bagi yang berminat. Pendaftaran juga boleh dibuat secara atas talian (online) di laman portal Rakan Alam Sekitar. Jika ada manama sekolah yang berminat untuk menjadikan semua pelajarnya sebagai ahli Rakan Alam Sekitar, saya amat mengalu-alukan. '*Kecil tapak tangan, Stadium Paroi saya tадahkan.*'

LET'S BREAKUP WITH SINGLE-USE PLASTIC

YBhg Dato – Dato/ Tuan -Tuan/ Puan – Puan,

10. Tahun ini, pencemaran sisa plastik menjadi topik hangat yang dibincangkan, bukan sahaja di negara kita malah diperingkat global. United Nations Environmental Programme (UNEP) melaporkan bahawa plastik merupakan pencemar utama di lautan.
 - Sebanyak 13 juta tan plastik dihanyutkan ke lautan setiap tahun,
 - 500 billion beg plastik digunakan setiap tahun di seluruh dunia,
 - 480 billion botol plastik dijual di seluruh dunia pada tahun 2016
 - and

- 50% bahan plastik yang digunakan sehari merupakan bahan pakai buang yang tidak dapat dikitar semula.
11. Sempena Hari Alam Sekitar Negara 2018 dengan tema “Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama”, saya bagi pihak Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim menyeru kepada semua, jom ‘*Let’s BreakUp With Single-Use Plastic!*’ Kita cuba kurangkan penggunaan plastik. Sebagai tindakan permulaan, mari kita hentikan penggunaan botol minuman plastik pakai buang, straw dan plastik pembungkus makanan dalam aktiviti sehari-hari.
 12. Saya yakin jika kita bersama-sama berganding bahu, keberkesanan kempen bagi memastikan suasana alam sekitar kita terus dipulihara akan menjadi realiti. Semoga kelestarian alam sekitar hari ini dapat kita wariskan kepada generasi akan datang.

PENUTUP

YBhg Dato – Dato/ Tuan -Tuan/ Puan – Puan,

13. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada pihak pengajur atas inisiatif untuk mengelolakan pertandingan ini. Saya percaya, mencari pemidato terbaik bukanlah menjadi objektif utama program ini, sebaliknya apa yang lebih bermakna adalah impak tinggi program ini kepada

pengkayaan pengalaman, peningkatan kesedaran dan pengamalan terhadap pemuliharaan alam sekitar kepada generasi muda kita dan akhirnya dapat menjadikan penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar sebagai budaya hidup rakyat Malaysia. Justeru, ucapan tahniah turut ditujukan kepada semua peserta yang telah mengambil bahagian dalam pertandingan yang diadakan.

14. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya menyempurnakan Majlis Pertandingan Akhir Pidato Alam Sekitar Peringkat Kebangsaan 2018.

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah,
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.